

KEMAMAN

Tinggal anak demi segulung ijazah

PADANG KUBU - Pengorbanan pasangan guru dari Padang Kubu berulang-alik ke Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) selama empat tahun demi menggenggam segulung ijazah, akhirnya terbalas apabila mereka berjaya menamatkan pengajian.

Sepanjang tempoh tersebut, Wan Aida Wan Ali, 44 dan Ismail Mamat, 49, yang mengikuti Program Pensiwazahan Guru, berulang-alik ke Kuala Terengganu dua hari sebulan serta terpaksa meninggalkan empat anak mereka.

Wan Aida yang juga Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Bandi 2 berkata, ketika pergi menimba ilmu, anak-anak mereka diasuh ibunya, Marar Senik, 60.

"Masa ada kuliah, kami terpaksa tinggalkan anak seketika di rumah mak. Ketika mula belajar pada Februari 2012, anak bongsu kami baru berusia setahun."

"Kini segala pengorbanan itu berbalas dengan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sekolah Rendah) Dengan Kepujian yang kami dakap ini. Ijazah ini hadiah buat mak," katanya.

Tambah Wan Aida, ijazah diterima dia dan suaminya yang merupakan Guru Penolong Kanan Pentadbiran SK Padang Kubu, juga sebagai rangsangan buat empat anak mereka iaitu Adam Syafaat, 11; Amar Syafaat, 10; Amjad Syafaat, 8 dan Azfar Syafaat, 5, untuk turut sama menjelaskan kaki ke menara gading suatu hari nanti.



Empat anak Wan Aida dan Ismail turut memakai jubah sebagai tanda sokongan kepada ibu bapa mereka yang menerima segulung ijazah pada majlis konvokesyen UniSZA.